BERITA HARIAN, SABTU, 24 OKTOBER, 1981

Belanjawan yang lunak

Istimewa bagi golongan berpendapatan rendah

Oleh PEMBERITA BH

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan belanjawan yang lunak bagi semua rakyat dan istimewa bagi golongan berpendapatan rendah.

Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah yang membentang belanjawan tahun 1982 di Dewan Rakyat petang ini, menerangkan bahawa kerajaan memperuntukkan $1,327 juta bagi berbagai subsidi kepada rakyat berpendapatan rendah dan miskin.

Sambil mensifatkan langkah belanjawan tahun depan sebagai "agenda bagi kemajuan terus menerus", Tengku Razaleigh berkata strategi negara untuk mencapai tujuan tersebut akan terus menitikberatkan perkembangan, menghapuskan kemiskinan dan memerangi inflasi.

Katanya, tujuan pokok strategi itu ialah meningkatkan pertumbuhan dan bekalan di samping membendung harga, terutama bagi barangan serta perkhidmatan yang digunakan oleh golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Ini dijangka akan membantu meningkatkan keupayaan daya pengeluaran di bidang-bidang yang mustahak untuk menambah pendapatan dan peluang pekerjaan.

Dalam Belanjawan ini, tidak ada kenaikan cukai kecuali penalti pembayaran lewat ke atas cukai pendapatan dinaikkan dari satu peratus kepada lima peratus bagi baki mana-mana bahagian cukai yang masih belum dibayar selepas penalti pertama.

Lain-lain kenaikan kecil ialah bayaran pendaftaran pertama kenderaan dan pindah milik kereta $20 — $40 serta bayaran lesen memandu antarabangsa saja, $30 — $60.

Perubahan

Lain-lain perubahan struktur cukai yang terlibat ialah: Bayaran pendaftaran pertama untuk kereta motor kecuali kereta orang cacat, basikal bermotor atau kenderaan beroda tiga yang bermotor, naik dari $30 ke $60.

Tengku Razaleigh juga mengumumkan penghapusan atau pengurangan duti import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas lebih 150 jenis barang-barang makanan, kegunaan pertanian dan barang-barang binaan sebagai membendung kenaikan harga untuk menjaga kepentingan rakyat miskin dan yang berpendapatan rendah.

Barang-barang itu termasuk sayur-sayuran, daging, susu tepung, baja, traktor, racun serangga, alat-alat pertanian, simen, besi, lantai, dinding, batu mamar dan lain-lain.

Duti import ke atas kamera, jam tangan, pen dan pemetik api juga dihapuskan bagi menggalakkan kedatangan pelancong dan sekatan pengaliran wang ke luar negeri.

Beliau berkata, strategi Belanjawan ini bertujuan untuk mengutamakan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri, meningkatkan pengeluaran khasnya bidang makanan, pembuatan dan pembinaan.

Ia juga untuk memperhebatkan usaha-usaha membasmi kemiskinan, terutama di kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi dan membendung inflasi serta mengambil tindakan untuk menguatkan imbangan pembayaran terutama dari segi jangka panjang.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia